



**PENYATA  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

*Special Select Committee on  
Competence, Accountability and Transparency  
(SELCAT)*

**Mengenai**

**LAPORAN AUDIT DALAM TAHUN 2010 BERHUBUNG  
PENGURUSAN KEWANGAN YAYASAN SELANGOR**

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency – SELCAT*) ke atas Pendengaran Awam berhubung Perbelanjaan Yayasan Selangor (Yayasan).

## MUKADIMAH

Mesyuarat SELCAT pada 16 Februari 2012 telah memutuskan untuk memanggil Pengurus Besar Yayasan Selangor ke pendengaran awam bagi menyiasat isu perbelanjaan Yayasan berdasarkan Laporan Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pendengaran awam berkaitan perbelanjaan Yayasan adalah bagi mengenal pasti dan menentukan sama ada kaedah perbelanjaan telah diuruskan dengan teratur. Ini adalah bagi menjamin wang awam dibelanjakan secara berhemat selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Begitu juga, menyarankan tindakan susulan bagi memperbetulkan kelemahan dan kesilapan yang telah dilakukan

## SAKSI-SAKSI

Seramai 5 orang saksi dan pegawai iringan telah dipanggil oleh Jawatankuasa untuk hadir memberi keterangan dan penjelasan. Mereka terdiri daripada:-

- a) Encik Ilham bin Marzuki,  
Pengurus Besar Yayasan Selangor
- b) Puan Norhafizah Binti Badrun,  
Bahagian Kewangan Yayasan Selangor
- c) Puan Norazah Binti Asari,  
Pengurus Sumber Manusia, Yayasan Selangor
- d) Puan Norlinda Binti Nasruddin,  
Bahagian Audit, Yayasan Selangor

- e) Encik Mohd Fauzi Ibni Hajar,  
Pegawai Undang-undang, Yayasan Selangor

Manakala Puan Lailatun Binti Abdul Hamid selaku Ketua Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut hadir menjelaskan penemuan-penemuan audit yang dijalankan.

## **LATARBELAKANG**

1. Yayasan Selangor telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai Syarikat Berhad. Menurut Jaminan Tanpa Modal iaitu *Company Limited by Guarantee*. Yayasan ditubuhkan pada 5 November 1970 dan merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab sepenuhnya di dalam bidang pembangunan pendidikan Negeri Selangor.
2. Audit dijalankan atas arahan pihak kerajaan ekoran daripada isu Yayasan yang dibangkitkan di Dewan Negeri.
3. Laporan audit telah membentangkan mengenai perbelanjaan Yayasan untuk program dan bayaran bagi yang berikut:-
  - a) Majlis Ulang Tahun ke-40 Yayasan Selangor yang melibatkan program Jamuan Makan Perdana dan Pertandingan Memancing;
  - b) Program Majlis Berbuka Puasa;
  - c) Program Majlis Jamuan Aidilfitri;
  - d) Program Majlis Korban Perdana;
  - e) Pembelian kereta Yayasan;
  - f) Pembelian telefon bimbit;
  - g) Bayaran bonus kepada warga kerja Yayasan;
  - h) Pelantikan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender;

- i) Hasil penjualan dokumen-dokumen kontrak yang tidak diakaunkan; dan
- j) Bayaran elaun Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Hartanah.

**A. Majlis Ulang Tahun ke-40 Yayasan Selangor yang melibatkan program Jamuan Makan Perdana dan Pertandingan Memancing.**

**Fakta**

- 4. Majlis Ulang Tahun ke-40 Yayasan Selangor telah merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM996,472.00. Pecahan perbelanjaan tersebut adalah seperti berikut:-

a. Jamuan Makan Perdana dan lain-lain	RM387,232.00
b. Pertandingan Memancing	RM178,200.00
c. Pembelian Cenderahati dan Pakaian	RM206,040.00
d. Pembelian 10,000 naskhah Al-Quran	RM225,000.00
- 5. Jamuan Makan Perdana sempena Ulang Tahun ke-40 Yayasan telah dirancang untuk diadakan pada 15 November 2010 bertempat di Dataran Asrama Tun Dr. Ismail, Kampung Pandan, Kuala Lumpur dengan anggaran kehadiran 1,000 orang.
- 6. Bagi menguruskan jamuan ini Yayasan telah melantik Tetuan Drift Z Enterprise sebagai pengurus acara (*event manager*) secara lantikan terus.
- 7. Kos perbelanjaan yang telah dikenakan oleh *event manager* setelah diluluskan adalah RM285,000.00. Berdasarkan perjanjian, bayaran sebanyak 50% (RM142,500.00) daripada bayaran keseluruhan perlu dijelaskan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh penerimaan lantikan. Tarikh lantikan adalah pada 27 September 2010. Bayaran seterusnya sebanyak 45% (RM128,250.00) dijelaskan selepas pengesahan tempat majlis, pelan perancangan mengenai majlis, pelan lakar susun atur majlis, pengesahan pengacara majlis dan artis jemputan dan pengesahan menu jabatan. Wang tahanan hanya 5% (RM14,250.00).

8. Jamuan telah dibatalkan setelah pihak pengajur dimaklumkan oleh pihak istana bahawa DYMM Sultan tidak berkenan untuk berangkat hadir kerana menganggap perbelanjaan yang dibuat adalah satu pembaziran.

#### Penemuan Audit

9. Lantikan terus Tetuan Drift Z Enterprise sebagai *event manager* bercanggah dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 iaitu perolehan yang melebihi RM50,000.00 perlu dibuat secara sebut harga.
10. Bayaran telah di pecah kecilkan pada 27 September 2010 kepada RM50,000.00, RM50,000.00 dan RM42,500.00. Manakala pada 5 Oktober 2010 bayaran telah di pecah kecilkan kepada RM50,000.00, RM50,000.00 dan RM28,250.00.
11. Bayaran sejumlah RM178,200.00 (99.5%) telah dibayar sebelum acara pertandingan memancing yang dijadualkan berlangsung pada 14 November 2010.
12. Kutipan yuran memancing berjumlah RM37,630.00 telah dikumpulkan. Sebanyak RM16,060.00 dimasukkan ke akaun Persatuan Kebajikan Kakitangan Yayasan Selangor oleh Encik Mohd Saifulruddin bin Sulaiman, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) merangkap Yang Dipertua Persatuan. Manakala baki berjumlah RM21,570.00 masih belum diserahkan oleh Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan).

#### Penemuan Jawatankuasa

13. Cadangan mengadakan Sambutan Ulang Tahun ke-40 Yayasan Selangor tidak pernah dibawa ke Lembaga Pemegang Amanah.
14. Yayasan telah menggunakan kaedah sebut harga terhad disebabkan oleh kesuntukan masa untuk memilih *event manager*. Tiga sebut harga diterima dan Yayasan telah memilih sebut harga terendah sebagai *event manager*.

15. Tetuan Drift Z Enterprise telah menerima bayaran berjumlah RM270,750.00 sebelum keputusan membatalkan majlis dibuat. Pihak Yayasan akan menuntut bayaran bagi penyediaan makanan kira-kira RM145,000.00.
16. Pengurus Besar mengakui berlaku kesilapan dalam penganjuran Majlis Ulang Tahun ke-40 Yayasan Selangor. Tiada pegawai yang menasihati beliau memandangkan beliau baru menjawat jawatan Pengurus Besar di Yayasan.
17. Yayasan mengakui majlis sambutan tidak menyumbang kepada pembangunan pendidikan Negeri Selangor yang merupakan peranan utama Yayasan.

## B. Program Majlis Berbuka Puasa

### Fakta

18. Yayasan telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa pada 21 Ogos 2010 bertempat di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan anggaran jemputan seramai 1,500 orang.
19. Yayasan telah melantik Syarikat Rahah Enterprise sebagai *event manager* secara lantikan terus dengan kos RM138,000.00. Mengikut perjanjian, bayaran pertama sebanyak RM69,000.00 iaitu 50% telah dijelaskan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh penerimaan pelantikan iaitu pada 10 Ogos 2010. Bayaran seterusnya sebanyak 45% iaitu RM62,000.00 dijelaskan selepas selesai majlis.
20. Bayaran tambahan telah diluluskan oleh Pengurus Besar pada 25 Ogos 2010.

### Penemuan Audit

21. Lantikan terus Syarikat Rahah Enterprise sebagai *event manager*.

22. Bayaran pertama dibuat pada 17 Ogos 2010 dengan bayaran dibuat dalam 2 baucar berasingan iaitu RM50,000.00 dan RM19,000.00. Pembayaran kedua juga dibuat dengan cara yang sama iaitu bayaran dipecah kecilkan
23. Syarikat Rahah Enterprise telah membuat tuntutan untuk kerja-kerja tambahan berjumlah RM29,400.00 dengan alasan jemputan yang hadir adalah melebihi anggaran asal iaitu seramai 2,300 orang. Anggaran asal ialah 1,500 orang.
24. Kerja-kerja tambahan adalah untuk makanan tambahan berjumlah RM20,000.00, kurma berjumlah RM2,400.00, meja VIP berjumlah RM2,000.00.
25. Syarikat Rahah Enterprise juga mengenakan caj bekalan elektrik dan air berjumlah RM5,000.00 bagi penggunaan Dewan Sivik MBPJ.

#### Penemuan Jawatankuasa

26. Pelantikan *event manager* telah dibuat secara sebut harga terhad melalui telefon. Proses lantikan dikendalikan oleh Bahagian Perolehan di bawah Encik Mohd Saifulruddin bin Sulaiman, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan).
27. Yayasan akan mendapatkan maklum balas pihak MBPJ sekiranya kebiasaan mengenakan caj elektrik berasingan daripada caj sewa dewan.
28. Tuntutan Syarikat Rahah Enterprise untuk bayaran tambahan makanan bagi tetamu melebihi daripada anggaran asal. Tiada semakan di pihak Yayasan.
29. Pengurus Besar mengaku dan mengambil tanggungjawab ada berlaku keterlanjuran.

### C. Program Majlis Jamuan Aidilfitri

#### Fakta

30. Majlis Jamuan Aidilfitri yang telah diadakan pada 4 Oktober 2010 bertempat di Padang Timur Petaling dengan anggaran jemputan 5,000 orang.
31. Yayasan telah melantik SDF Media Event Sdn. Bhd. secara lantikan terus melibatkan kos RM280,000.00. Mengikut perjanjian, bayaran pertama RM140,500.00 iaitu 50% dijelaskan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh penerimaan pelantikan iaitu pada 21 September 2010. Bayaran seterusnya 45% iaitu RM126,450.00 dijelaskan selepas penyediaan kertas kerja, pengesahan dan perancangan lengkap.

#### Penemuan Audit

32. Bayaran pertama dibuat pada 22 September 2010 dengan bayaran dibuat secara pecah kecil juga iaitu dalam tiga baucar berasingan berjumlah RM50,000.00, RM50,000.00 dan RM40,500.00 pada tarikh yang sama.
33. Pembayaran kedua juga dibuat dengan cara yang sama. Jumlah bagi bayaran yang dibuat sebelum acara majlis adalah berjumlah RM266,950.00.
34. SDF Media Event Sdn. Bhd. telah membuat tuntutan untuk kerja-kerja tambahan berjumlah RM22,476.00 untuk kerja-kerja pemasangan khemah tambahan dan platform kerana air bertakung di padang.

#### Penemuan Jawatankuasa

35. Pelawaan syarikat untuk mengurus majlis secara sebut harga terhad adalah melalui telefon.
36. Proses pelawaan dikendalikan oleh Encik Mohd Saifulruddin bin Sulaiman, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan).

37. Wang tahanan sebanyak RM14,000.00 telah dibayar sebaik saja selesai majlis tanpa membuat semakan sama ada segala kerja telah dilaksanakan mengikut terma yang dipersetujui.
38. Pengurus Besar mengaku dan mengambil tanggungjawab ada berlaku keterlanjuran.

#### D. Program Majlis Korban Perdana

##### Fakta

39. Hari Raya Haji Tahun 2010, Yayasan telah mengadakan Majlis Korban Perdana pada 18 November 2010 bertempat di Asrama Yayasan di Kelang.
40. Yayasan telah melantik SDF Media Event Sdn. Bhd. sebagai *event manager*.
41. Yayasan telah mengeluarkan pendahuluan berjumlah RM44,452.00 untuk menguruskan majlis ini. Pendahuluan ini telah diberikan kepada Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) sebanyak RM24,452.00 dan kepada Pengurus Korporat sebanyak RM20,000.00.
42. Daripada jumlah RM20,000.00 yang diterima oleh Pengurus Korporat, sebanyak RM14,400.00 telah diserahkan kepada Pengurus Besar semasa pemeriksaan audit setakat 1 Disember 2010.
43. Penyata akaun perbelanjaan Majlis Korban Perdana masih belum disediakan. Perbelanjaan lain untuk majlis tersebut adalah cabutan bertuah berjumlah RM2,500.00, bayaran persembahan nyanyian nasyid berjumlah RM600.00 dan sewa set karaoke sebanyak RM1,000.00.

##### Penemuan Audit

44. Pihak Yayasan telah melantik 15 jawatankuasa yang terdiri daripada kakitangan Yayasan sendiri. Namun SDF Media Event Sdn. Bhd. tetap dilantik untuk menguruskan majlis tersebut.

45. Yayasan bercadang untuk mengorbankan 20 ekor lembu. Bagaimanapun hanya 9 ekor sahaja yang dikorbankan. Kos 9 ekor lembu tersebut diperoleh daripada kakitangan yang telah membayar bahagian masing-masing berjumlah RM22,500.00.

#### Penemuan Jawatankuasa

46. Akaun bagi perbelanjaan majlis korban belum ditutup. Pihak Yayasan masih menunggu penyerahan resit-resit bayaran daripada Encik Mohd Saifulruddin bin Sulaiman, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan).
47. Pengurus Besar mengaku dan mengambil tanggungjawab ada berlaku keterlanjuran.

#### **E. Pembelian kereta Yayasan**

##### Fakta

48. Kenderaan yang telah diluluskan untuk dibeli adalah 4 unit kesemuanya dengan jumlah nilai RM500,000.00.
49. Kenderaan yang hendak dibeli ada 1 unit van Toyota Hiace, 2 unit Proton Saga BLM dan 1 unit kenderaan untuk Pengurus Besar bernilai RM300,000.00 yang tidak dinyatakan jenisnya.

##### Penemuan Audit

50. Yayasan tidak mematuhi kelulusan yang telah diberikan sebaliknya telah membeli 1 unit Toyota Hiace, 1 unit Toyota Fortuner dan 1 unit Toyota Camry.

##### Penemuan Jawatankuasa

51. Pihak Yayasan telah membeli kenderaan secara terus dan tidak melalui syarikat yang dilantik.
52. Pembelian dibuat secara belian terus bukan ansuran dengan alasan untuk mengelakkan pembaziran.

53. Yayasan berjaya membuat penjimatan sebanyak RM37,000.00 daripada jumlah yang telah diluluskan selepas menggunakan kaedah pembelian terus dan bukan ansuran.
54. Kenderaan Pengurus Besar bernilai RM186,100.00 dan bukan RM300,000.00 seperti yang telah diluluskan.

#### **F. Pembelian telefon bimbit**

##### **Fakta**

55. Yayasan telah membelanjakan sebanyak RM12,500.00 untuk membeli 4 unit telefon bimbit bagi kegunaan 3 orang pegawai atasan Yayasan.
56. 3 pegawai atasan tersebut adalah Pengurus Besar, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) dan Timbalan Pengurus Besar (Pendidikan).

##### **Penemuan Audit**

57. Kadar harga telefon tidak berpandukan kepada kadar kelayakan yang diguna pakai oleh kerajaan. Kadar mengikut kelayakan yang ditetapkan adalah RM2,000.00 termasuk aksesori.
58. Pengurus Besar telah dibekalkan dengan 2 unit telefon bimbit.

##### **Penemuan Jawatankuasa**

59. Pengurus Besar mengaku dan mengambil tanggungjawab ada berlaku keterlanjuran.
60. Pengurus Besar telah membayar secara peribadi wang tunai berjumlah RM23,000.00 kepada Yayasan serta mengambil kesemua 4 unit telefon bimbit dan iPad.

## G. Bayaran bonus kepada warga kerja Yayasan

### Fakta

61. Bayaran bonus tahun 2010 sebanyak dua bulan gaji telah dibayar kepada anggota Yayasan pada bulan Ogos 2010.
62. Keputusan bayaran bonus telah dibuat melalui *Circular Resolution* yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.

### Penemuan Audit

63. Tiada kertas cadangan bayaran bonus dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Perkara berkaitan bayaran bonus adalah mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, Dasar dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus oleh Syarikat-syarikat Kerajaan.

### Penemuan Jawatankuasa

64. Yayasan mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun sebelum 2010.
65. Pemberian dua bulan bonus pernah diberi kepada kakitangan pada tahun 2008.
66. Yayasan ada mengemukakan kertas cadangan bagi pembayaran bonus tetapi dokumen yang menyokong pembayaran bonus adalah tidak lengkap.
67. Bayaran bonus yang melibatkan jumlah kewangan yang besar perlu dibawa ke dalam Mesyuarat Lembaga untuk diputuskan dan tidak memadai melalui *Circular Resolution*.
68. Jumlah bayaran bonus yang telah dikeluarkan bagi sebulan berjumlah RM450,000.00 manakala RM900,000.00 untuk 2 bulan.

## H. Pelantikan ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender

### Fakta

69. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender adalah di kalangan individu yang sama di dalam Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan.
70. Mengikut perenggan 10, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, Ahli Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian

### Penemuan Audit

71. Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Ahli Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan.

### Penemuan Jawatankuasa

72. Yayasan telah membubarkan Ahli Jawatankuasa yang lama dan melantik ahli-ahli yang baru yang terdiri daripada kakitangan Yayasan.
73. Tiada pegawai yang menganggotai dua atau tiga jawatankuasa. Tindakan susulan telah dimaklumkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah.

## I. Hasil penjualan dokumen-dokumen kontrak yang tidak diakaunkan

### Fakta

74. Sebanyak RM29,250.00 telah diterima iaitu hasil daripada penjualan dokumen-dokumen kontrak
75. Daripada jumlah tersebut, RM 11,650.00 berbentuk tunai dan masih disimpan dalam peti besi di Bahagian Kewangan Yayasan.

76. Mengikut Tatacara Kewangan Perakaunan Yayasan Selangor, perenggan 42 menghendaki semua hasil dimasukkan ke bank pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari berikutnya.

**Penemuan Audit**

77. Wang sejumlah RM2,000.00 telah diambil oleh Encik Mohd. Saifulrudin bin Sulaiman, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) pada 14 September 2010.

**Penemuan Jawatankuasa**

78. Setelah menyedari kesalahan dari segi tatacara kewangan, pihak Yayasan telah memasukkan kesemua hasil penjualan dokumen kontrak ke dalam akaun bank Yayasan.
79. Apa juga wang yang telah diambil oleh mantan Timbalan Pengurus (Pengurusan) telah dibuat tuntutan melalui surat peguam.

**J. Bayaran elau Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Hartanah**

**Fakta**

80. Yayasan telah melantik 5 orang ahli bagi Jawatankuasa Pembangunan Hartanah Yayasan yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar. Jawatankuasa ini membincang dan membentang kertas cadangan projek Pembangunan Hartanah Yayasan Selangor.
81. Mesyuarat Jawatankuasa tersebut telah diadakan pada 30 September 2010 dan 6 Oktober 2010 bertempat di Grand Dorsett, Subang Jaya.
82. Elaun yang telah dibayar adalah RM19,900.00 pada kadar antara RM1,000.00 dan RM3,000.00 untuk Ahli Jawatankuasa Pembangunan Hartanah Yayasan. Manakala urus setia dibayar pada kadar RM100.00 dan RM500.00 seorang bagi sekali mesyuarat.

### Penemuan Audit

83. Pegawai ataupun kakitangan Yayasan dibayar untuk setiap kali mesyuarat sebanyak RM200.00.
84. Elaun yang dibayar adalah wang daripada hasil penjualan dokumen tender.

### Penemuan Jawatankuasa

85. Wang bayaran elaun kepada kakitangan Yayasan telah dikembalikan dan dimasukkan ke akaun Yayasan. Begitu juga dengan kutipan daripada penjualan dokumen tender.
86. Bayaran elaun kepada Encik Mohamad Saifulrudin bin Sulaiman, Timbalan Pengurus (Pengurusan) belum dikembalikan kepada Yayasan. Tuntutan undang-undang akan dibuat bagi mendapatkan semula bayaran elaun yang telah dikeluarkan.

### **Harta Yayasan Selangor**

#### Pemerhatian Jawatankuasa

87. Dalam rekod pada tahun 2010, aset tetap Yayasan berjumlah RM300 juta dan aset semasa dalam akaun simpanan semasa berjumlah RM51 juta.
88. Bagi perbandingan, pada tahun 2007, aset Yayasan hanya berjumlah RM20 juta. Aset Yayasan telah bertambah dua kali ganda dalam tempoh 3 tahun.
89. Menurut dakwaan Pengurus Besar, sejak tahun 1991 hingga Mac 2008 ketirisan aset Yayasan Selangor dianggarkan tidak kurang daripada RM500 juta.

### **RUMUSAN JAWATANKUASA**

90. Sebagai rumusan bagi penemuan-penemuan di pendengaran awam berkaitan Pengurusan Kewangan Yayasan, Jawatankuasa mendapat bahawa:-

- a) Kesilapan dan pelanggaran Tatacara Kewangan yang telah berlaku adalah disebabkan oleh kecuaian dan kelemahan pihak pentadbiran Yayasan.
- b) Pengetahuan mengenai garis panduan dan pekeliling pihak berkuasa kerajaan adalah sangat lemah dan ada ketika hampir tiada di mana ia diakui oleh Pengurus Besar Yayasan.
- c) Keputusan penting terutamanya yang melibatkan jumlah wang yang besar dibuat tanpa merujuk pihak Lembaga Amanah Yayasan terlebih dahulu.


## SARANAN JAWATANKUASA

91. Setelah mendengar penjelasan daripada saksi dan meneliti dokumen-dokumen yang dibentangkan, adalah disarankan agar Yayasan mengambil perhatian cadangan berikut:-
- a) Yayasan mengeluarkan dasar yang jelas terutamanya usaha-usaha yang berkaitan secara langsung dengan matlamat Yayasan.
  - b) Keputusan mesyuarat persatuan di bawah Yayasan tidak boleh mengatasi keputusan mesyuarat tertinggi Yayasan.
  - c) Mengelak daripada melantik *event manager* untuk mengurus acara-acara anjuran Yayasan.
  - d) Yayasan melantik audit bebas bagi menyemak akaun Yayasan bermula tahun 1991 sehingga 2008.
  - e) Mengamalkan perbelanjaan berhemah dan mengikut tatacara kewangan yang telah ditetapkan.
  - f) Menjalankan audit dalaman ke atas Persatuan Kebajikan Kakitangan Yayasan Selangor.
  - g) Amalan-amalan berikut mestilah dihentikan:-

- i. membayar 50% jumlah bayaran dalam tempoh 7 hari daripada tarikh lantikan;
  - ii. membayar 45% seterusnya jumlah bayaran sebelum berlangsungnya majlis;
  - iii. memecah kecilkan bayaran; dan
  - iv. sebut harga terhad atau lantikan terus syarikat pembekal
- h) Menyediakan penyata akaun perbelanjaan bagi Program Majlis Korban Perdana.
- i) Setiap pembelian mestilah berdasarkan kelulusan. Sekiranya ada pertukaran pembelian, kelulusan perlulah diperoleh daripada Lembaga.
- j) Pemberian elaun kehadiran mesyuarat kepada kakitangan Yayasan dihentikan kerana ia adalah sebahagian daripada tugas-tugas kakitangan Yayasan.
- k) Cadangan bagi bayaran bonus perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan perlu mengandungi butir-butir yang terperinci seperti keuntungan sebelum cukai tahun yang berkenaan, dan bagi tiga tahun sebelumnya dan asas-asas cadangan bayaran tersebut.
92. Pihak Berkuasa Negeri seharusnya menubuhkan Yayasan sebagai sebuah badan berkanun negeri supaya pemakaian pekeliling tatacara kewangan adalah wajib dan ianya tertakluk kepada pemantauan Ketua Audit Negara dan Dewan Negeri.

Penyata ini telah disediakan oleh **Y.B. Puan Hajah Haniza binti Mohamed Talha**, Ahli Jawatankuasa SELCAT, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 24 Oktober 2012.

Disahkan oleh :

  
**Dato' Teng Chang Khim**  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai  
Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan  
( *Special Select Committee on*  
*Competence, Accountability and Transparency- SELCAT* )